

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

CREATE
e-newsletter

UMP terima pelajar perintis Program Teknologi Ke

Buat pertama kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pelajar yang bakal mengikuti pengajian kemasukan akademik 2019/2020.

Universiti menawarkan tiga program baharu iaitu Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Analitik Data, Kepujian dan Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas dengan Kepujian selara berkaitan Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Automotif dan Teknologi Kejuruteraan.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 32 program pada sesi pengajian pada tahun ini.

Program Sarjana Muda Teknologi yang ditawarkan di empat universiti teknikal (MTUN) ini merupakan DVM/DKM/DLKM untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan penekanan mengiktiraf kemahiran aliran TVET sebagai agenda memperkasakan TVET aras tinggi.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, seramai 1,880 mahasiswa hadir pada peringkat Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2019/2020 yang berlangsung serentak di kedua-dua kampus UMP.

Daripada jumlah tersebut seramai 328 mengikuti pengajian Teknologi Kejuruteraan dan Kejuruteraan (825), program Pengurusan dan Kemanusiaan (209) di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

UMP turut menerima seramai 20 pelajar antarabangsa daripada Yaman, Jerman, Somalia, Sudan, China dan UMP.

Cakna terhadap kebajikan pelajar UMP hari ini, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar turut menyampaikan sebanyak insentif bantuan pendidikan kepada seramai 69 mahasiswa baharu yang mendaftar di UMP kali ini.

Selain itu, seramai 17 orang pelajar B40 menerima Skim Bantuan Insentif Pendidikan UMP berjumlah RM1

Inisiatif ini merupakan salah satu program di bawah *MyGift* UMP dalam meringankan beban pelajar untuk m

"UMP turut menyediakan pengangkutan, penginapan dan penyediaan makan dan minum kepada keluar bertemu ibu bapa dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan UMP yang diadakan di Dewan Astaka U 2019 yang lalu.

Hadir sama ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Sharif Shamsuddin dan Pengurus Serambi Ilmu Rakyat Mohamed Radzhan.

Dato' Sri Sharif berkata, seramai 31 orang menerima Bantuan Awal Pendidikan Yayasan Bank Rakyat Rakyat dengan jumlah RM1,000 setiap orang manakala seramai 21 pelajar menerima Insentif Kecemerlangan matrikulasi seluruh negara yang cemerlang (3.67 dan ke atas) dan memilih UMP sebagai universiti kecemerlangan berpanjangan.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada Inisiatif *MyGift* yang diperkenalkan UMP dalam usaha menjadi universiti yang mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan pembangunan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.

"UMP akan menubuhkan Yayasan UMP bagi memperkembangkan operasi bagi membolehkan lebih ramai pe

"Antara sumber kewangan yayasan adalah daripada keuntungan syarikat milik UMP, sumbangan pihak kor

Dalam pada itu, kehadiran dua pasangan pelajar kembar iaitu Muhammad Adham Jamal Akhbar dan pasangan Safrizal Syazwan Zainal Hayat dan Syazwanie Zainal Hayat mencuri tumpuan universiti.

UMP juga menerima pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU), Muhammad Aliff Rozahimie yang mengalami m orang asli dari Jerantut Pekan, Temerloh dan Endau.

Turut berlangsung taklimat bersama ibu bapa dan pelajar program Dwi-Ijazah bertaraf antarabangsa m pengajian di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) dan Hochschule Jerman.

Kalaborasi UMP dan Haro Sports dalam bidang pembuatan kene

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dilihat sebagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang mengeluarkan utama model kenderaan sukan pemotoran bagi *Formula Comet* melalui penawaran pembuatan yang berminat untuk terlibat dalam sukan pemotoran ini.

Kerjasama dengan Haro Sports & Entertainment Sdn. Bhd. (Haro Sports) dalam teknologi kejuruteraan dan prospek pengembangan industri pemotoran dan perlumbaan bersama rakan sinergi sama ada dari sektor a

ia membabitkan penyelidikan dan pemindahan teknologi pemotoran dan perlumbaan kepada para penga dan staf UMP sendiri.

Selain itu, membuka peluang kepada pelajar UMP yang terpilih untuk menceburkan diri dan meningkatkan penyelidikan kenderaan sukan pemotoran *Formula Comet* serta pengurusan program dan acara perlum dalam memasyarakatkan teknologi dan menggalakkan kerjasama dua hala dengan pihak industri bagi men (TVET) negara.

Majlis menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani Ahli Lembaga Pengarah UMP (Yunus dan Dekan Inovasi Industri, Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah. Manakala Pengarah Urusan Besar Haro Sports, Mohamad Yamin Ahmad Shafie hadir mewakili Haro Sports.

Menurut Dato' Ts Dr. Rosli, UMP berbangga dengan inisiatif Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) dalam b meningkatkan pertukaran teknologi dalam bidang pembuatan kenderaan sukan pemotoran.

“Sukan bermotor perlu dilihat sebagai satu ekosistem yang melibatkan pembangunan sebagai satu ir kenderaan, pemandu atau penunggang tetapi juga individu yang terlibat di belakang tabir. Mereka inilah m *heroes,*” katanya dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pek

Ujar beliau, ia bersesuaian dengan pembentukan plan pembangunan pendidikan berteraskan TVET, *Lea* pelajar khasnya dan negara amnya yang wajar dilaksanakan dengan wujudnya penglibatan wakil industri s

Manakala menurut Fahrizal, *Formula Comet* ini juga dilihat sangat berpotensi besar untuk berjaya memand yang tinggi bagi membangunkan satu peringkat sukan pemotoran.

“Potensi dalam mengembangkan pasaran terhadap kejohanan sukan pemotoran *Formula Comet* ini te menyasarkan kepada negara di rantau Asia Tenggara, Pasifik dan Asia Timur.

“Hasil daripada usaha ini seterusnya dapat menyediakan peluang kerjaya dan latihan industri dalam bidan yang menjamin pendapatan yang tinggi kepada bakal graduan UMP dan seterusnya dapat meningkatkan yang berkualiti.

“Selain itu, kerjasama ini juga membuka jaringan prospek yang lebih luas, terutamanya dengan rakan-berpotensi,” katanya.

Dalam majlis yang sama turut menyaksikan penyerahan kenderaan lumba Toyota 86 oleh pihak Haro Spor

2 pasang pasangan kembar sambung pengajian ber

Dua pasang pasangan kembar mencuri tumpuan apabila mereka adalah antara 1,880 mahasiswa yang mendaftar sebagai mahasiswa baharu Univerisiti Malaysia Pahang (UMP) bagi Program Sarjana Muda Sesi Akademik 2019/2020.

Pasangan kembar tersebut iaitu Muhammad Adham Jamal Akhbar dan adiknya Muhammad Akram Jamal Hayat dan Syazwanie Zainal Hayat, 19 yang tiba seawal jam 8.00 pagi bagi menghadiri sesi pendaftaran.

Ibu kepada Adham dan Akram, Nor Khamsiah Mansor, 50 berkata, beliau sekeluarga bersyukur apabila Adham dan Akram dapat melanjutkan pengajian di UMP walaupun berlainan jurusan dan kampus memandangkan mereka berdua tidak pernah berkesempatan untuk melanjutkan pengajian di universiti.

“Pada mulanya saya amat risau sekiranya mereka menyambung pengajian di universiti yang berbeza kerana mereka tinggal jauh. Akhirnya mereka menghantar mereka mendaftar serentak.

“Namun, nasib menyebelahi mereka apabila keputusan diumumkan mereka ditempatkan di universiti yang berbeza.

Sungguhpun begitu, Adham ditempatkan di UMP Kampus Gambang bagi mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Akram pula ditempatkan di UMP Kampus Pekan dengan mengikuti Pengajian Kejuruteraan Mekanikal.

Tambahnya ibunya lagi, beliau dan suami, Jamal Akbar Ahmad, 46 membuat perbandingan dengan anak-anak yang memilih UMP apabila mendapati universiti ini banyak mencapai kejayaan dalam bidang kejuruteraan.

“Justeru, anak-anak memilih UMP sebagai pilihan pertama ketika mengemukakan permohonan UPU *Online* dan diterima.

“Sebagai ibu bapa, kami sentiasa memberi dorongan kepada anak-anak dan tidak pernah menghalang mereka untuk memilih universiti yang diminati malahan kedua-duanya mempunyai cita-cita yang sama untuk bergelar jurutera suatu hari nanti.

Terdahulu, pasangan kembar yang berasal dari Terengganu ini merupakan bekas pelajar Kolej Matrikulasi Terengganu.

Manakala anak pasangan kembar Zainal Hayat Abdullah,43 dan isterinya, Masjuliana Muslim,43 iaitu Sa pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dan adiknya Safrina Syazwanie Za Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia.

Mereka juga turut tidak menyangka kedua-dua anaknya mendapat tawaran untuk menyambung pengajian

Pelajar baharu UMP teruja terima bantuan U

Ibu mana yang tidak gembira apabila anak kesayangannya berjaya ditawarkan mengikuti pengajian ke mer

Namun, Rohana Rashid, 52, sedikit gusar apabila mengenangkan bayaran yuran pendaftaran dan ke mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini.

Beliau yang merupakan seorang ibu tunggal dari Kampung Singkir Genting, Kedah langsung tidak menerima bantuan daripada UMP yang tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mengurus

Pada awalnya, mereka sekeluarga bercadang meminta pertolongan bapa saudaranya bagi menghantar an Kampus Gambang.

Namun beberapa hari sebelum hari pendaftaran, beliau mendapat panggilan telefon dari pihak UMP yang sekeluarga untuk dibawa ke UMP.

Menurut Rohana, beliau seolah-olah tidak percaya ada universiti yang buat begini.

“Kalau bantuan kewangan, kita biasa dengar tetapi apabila sebut ada yang nak tawarkan sediakan sememangnya luar biasa.

“Saya bertanyakan pendapat dengan saudara mara dan jiran ternyata semua terkejut dan ragu-ragu denga

Namun, menjelang hari pendaftaran pada hari Sabtu lalu, kehadiran pihak UMP ke rumahnya amat mengej

Bermula dari situlah kebimbangan mereka bertukar terharu dengan bantuan yang diberikan ini.

Tambah beliau lagi, UMP bukan sahaja menyediakan kemudahan pengangkutan, malah turut menyediakan universiti lengkap dengan makan dan minum sepanjang urusan pendaftaran.

“Terima kasih kepada UMP atas bantuan yang diberikan dan mengakui anggaran kos pergi balik perjalanan yang hanya berniaga nasi lemak, perbelanjaan ini sangatlah besar,” katanya.

Nasihatnya buat Amrina, belajarlah bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan demi masa depan.

Sementara itu, Amrina merasa terharu dengan keprihatinan dan bantuan yang diberikan oleh UMP kepada

Beliau turut menerima insentif *MyGift* UMP Bantuan Awal Pendidikan Yayasan Bank Rakyat berjumlah RM1000. Beliau terus belajar bersungguh-sungguh dan mengubah nasib keluarga pada masa depan.

Selain Amrina, seramai 69 pelajar baharu turut menerima Inisiatif *MyGift* UMP sempena kemasukan pada 2 September 2019 yang lalu.

Kejuruteraan Perniagaan Jerman kini di Mal

Oleh: TS. DR. LEE KHAI LOON, PENSYARAH KANAN, FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI UMP

Kejuruteraan Perniagaan merupakan satu cabang baharu dalam bidang perniagaan yang ditawarkan UMP. Daripada bidang ini bakal menjadi pemimpin dalam bidang kejuruteraan perniagaan melalui integrasi kejuruteraan perniagaan dalam menginovasi amalan perniagaan. Mereka juga boleh menjadi pakar dalam bidang logistik.

Program Kejuruteraan Perniagaan ini ditawarkan di Fakulti Pengurusan Industri (FIM), UMP adalah program kerjasama dengan Reutlingen University (HsRT), Jerman.

Program yang ditawarkan ini juga adalah program premium di UMP. Pelajar yang mendaftar dalam program ini akan mendapat dua ijazah dan kedua mereka di UMP seterusnya bagi pelajar yang memenuhi kelayakan akademik, termasuk 140 jam bahasa Jerman (*Deutsch als Fremdsprache*) akan dibenarkan meneruskan pengajian pada tahun ketiga dan keempat di HsRT.

Program seperti ini tidak pernah ditawarkan di mana-mana program Perniagaan atau Kejuruteraan yang sedia ada. Pelajar perlu mempunyai pemahaman yang unik tentang Perniagaan dan Kejuruteraan melalui program dwi ijazah.

Menariknya, bagi mana-mana pelajar yang berjaya menamatkan dua tahun pengajian di UMP dan dua tahun pengajian di HsRT, mereka akan mendapat dua ijazah, iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian oleh UMP dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan Antarabangsa oleh HsRT.

Program Kejuruteraan Perniagaan ini juga memberi penekanan terhadap gabungan unik asas per Kejuruteraan.

Program ini juga turut mendapat akreditasi penuh daripada *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan *Transport (CILT), United Kingdom (UK)*.

MQA turut menjamin kualiti program malah CILT (UK) menyokong perkembangan kerjaya pelajar me berkaitan logistik dan pengangkutan.

Selain itu, pelajar juga turut berpeluang mendapat maklumat terkini mengenai kerjaya melalui khidmat nas bengkel dan latihan.

Dengan sokongan padu dua buah universiti dan badan profesional, graduan program ini akan memperole pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri pada masa kini dan hadapan.

Para pelajar akan dibimbing pada peringkat domestik dan antarabangsa malah bakal dinobatkan sebag dikehendaki dalam pasaran.

Untuk membolehkan para pelajar berjaya diserap ke industri dan budaya di Jerman pula, profesor c sebahagian daripada tenaga pengajar di UMP dan kelas bahasa Jerman juga kebiasaannya akan dijalankan

Dengan cara ini, para pelajar bakal mengasimilasi pengetahuan dalam bidang Perniagaan dan Keju memperoleh kelebihan dalam persaingan untuk merebut jawatan perniagaan berorientasikan teknikal.

Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan seramai lapan graduan Jerman dengan dwi ijazah yan Majlis Konvokesyen UMP ke-13 yang lalu manakala tiga orang lagi akan menerima ijazah mereka sempena

UMP juga bakal menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian ke Ijazah yang pertama bagi seorang pelajar UMP iaitu Syakiela Ahmad pada Majlis Konvokesyen ke-14 UMP

Apa Kata Mereka?

“Program ini menyediakan satu platform kukuh bagi pelajar yang ingin memperluaskan pengalaman Jerman.” - Syakiela Ahmad.

“Program ini memberikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sangat kondusif dengan simulasi “Kai-Uwe Schäfer.

“Para pensyarah di FIM mempunyai kelayakan dalam kelas tersendiri dengan proses pengajaran dan menarik. Malah kemudahan infrastruktur dan peralatan yang terdapat di UMP juga canggih dan ses Nedeljkovi?.

Andai anda ingin berjaya dan sedia keluar dari zon selesa anda maka, program unik ini menanti anda di UM

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dikembalikan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikembalikan akan dikembalikan. Sumbangan karya yang dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 459 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

